

**MIC, PPP, NGO Buat Laporan Polis Berhubung Kenyataan Sensitif Ustaz Shahul Hameed
Bernama
Julai 30, 2014**

GEORGE TOWN, 30 Julai (Bernama) -- Tiga puluh wakil MIC, PPP dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan Hindu hari ini membuat laporan polis terhadap seorang penceramah bebas kerana didakwa mengeluarkan kenyataan provokasi berunsur rasis semasa berceramah.

Tiga puluh orang yang mewakili sayap Wanita, Pemuda dan Putera MIC, PPP dan NGO Hindu membuat laporan ke atas Shahul Hameed Seeni Mohd di Balai Polis Jalan Patani di sini.

Ketua Putera MIC negeri, N.G Senthelnathan berkata mereka mahu polis menjalankan siasatan dan mahu Shahul Hameed berhenti daripada mengadakan sebarang ceramah sehingga siasatan selesai.

"Tidak salah kalau mahu berceramah berkenaan agama Islam tetapi beliau jangan menyentuh agama lain," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Pemuda MIC negeri, A. Murugan menegaskan pihaknya menolak permohonan maaf Shahul Hameed berhubung insiden itu kerana mahu tindakan tegas diambil ke atasnya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1057013>